

24 DEC 2002

Mahathir-Biasiswa/I

SYARIKAT PEMBUATAN M'SIA DIMINTA TAWAR BIASISWA KEPADA PELAJAR ASING

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan syarikat-syarikat pembuatan Malaysia menawarkan biasiswa kepada pelajar asing sebagai sebahagian daripada pelaburan mereka untuk menjual produk mereka di luar negara.

Perdana Menteri berkata dengan memberikan biasiswa kepada pelajar asing bagi membolehkan mereka belajar teknologi dan mesin Malaysia, ia akan dapat membantu menjual produk mereka.

"Kalau kita nak jual barangan kita, orang mesti tahu kebolehan kita dan macam mana kita punya barang dapat berfungsi.

"Satu daripada caranya ialah sudah tentu dengan membawa orang ke sini untuk melihatnya dan cara terbaik untuk melihatnya ialah mereka perlu datang dan belajar di sini...ia merupakan satu pelaburan dengan memberikan mereka biasiswa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan mesin komputer kawalan berangka (CNC), Master CNC 10HVA, keluaran pertama Taman Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Misalnya, Dr Mahathir berkata pelajar yang menuntut di sini dan tahu bagaimana untuk mengendalikan mesin CNC akan biasa dengannya dan tahu akan fungsi ini berkenaan.

"Jadi bila dia balik dan kerja di negara asal, dia boleh mengesyorkan kita punya mesin," katanya.

Perdana Menteri turut memberikan contoh kesilapan yang dilakukan British apabila ia menaikkan yuran penuh bagi pelajar Malaysia tetapi bukan kepada pelajar Eropah.

"Saya katakan anda (pihak British) melakukan kesilapan kerana apabila jurutera kami (rakyat Malaysia) yang dilatih di England kembali ke sini dan anda minta mereka berbuat sesuatu, apa yang mereka dapat fikirkan ialah perunding, kejuruteraan, mesin dan semua yang ada kaitan dengan British.

"But sekiranya mereka biasa dengan mesin Jepun, dengan itu mereka akan mengesyorkan mesin-mesin Jepun. Jadi ianya adalah satu kesilapan...mereka (British) menyelamatkan beberapa dollar daripada yuran tetapi mereka kerugian daripada segi eksport mereka," katanya.

Kepada satu soalan mengenai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kebanyakannya dijalankan oleh sektor awam berbanding sektor swasta, Dr Mahathir berkata budaya R&D masih belum meresap ke dalam sektor swasta Malaysia.

Walaupun terdapat banyak aktiviti penyelidikan dijalankan dalam sektor pertanian seperti getah dan kelapa sawit namun hasil penyelidikan itu tidak digunakan secara besar-besaran.

Aktiviti R&D dalam pembuatan dan produk teknologi tinggi melibatkan pelaburan besar, katanya dan mereka juga perlu bersaing di antara satu sama lain dalam peniagaan berkenaan.

"Jadi ia adalah sesuatu yang sukar, sebab itu kenapa mereka enggan melakukannya tetapi walaupun kita mendapat hasil yang baik, rakyat Malaysia juga agak keberatan menggunakan hasil penemuan penyelidikan seperti yang dilakukan oleh Mardi. Jadi masalahnya dengan kita ialah wujud kebuntuan mental," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana Taman Teknologi Malaysia berfungsi dan terlibat dalam banyak aktiviti R&D dalam banyak bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan bioteknologi.

"Kita bergerak amat pantas dalam era teknologi ini, hayat simpanan kita menjadi semakin pendek dan kita perlu menggunakan keupayaan kita setiap

masa," katanya dan beliau berkata adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran mereka jika mereka mahu maju.

Perdana Menteri berkata semua benda di planet ini boleh diperbaiki.

Beliau berkata penyelidikan patut dijalankan untuk mengetahui kenapa pokok jati mengambil masa yang lama untuk tumbuh dan membesar.

"...pokok-pokok jati boleh ditanam di sepanjang kebun raya tetapi ia tidak membesar secara seragam. Kita perlu tahu kenapa ada pokok yang membesar dengan lebih cepat, kenapa yang lainnya tidak...kita patut lakukan uji kaji dan mungkin kita boleh merangsang pertumbuhan pokok itu dengan lebih cepat," katanya.

Pokok jati yang benar-benar teguh, katanya akan mengambil masa kira-kira 90 tahun untuk matang.

Dr Mahathir juga mencadangkan alat yang sesuai dicipta bagi memberikan kaedah lebih baik bagi rakyat Malaysia untuk membersihkan diri apabila pergi ke tandas dan juga bagi memastikan tandas di Malaysia lebih bersih.

-- BERNAMA

HS AKT RHM